



Ilmu agama asas kecemerlangan

Sinar 8/6/12 ms 2.

BAHRAIN SAMAH, RH (AHG)

Hadis riwayat Ibnu Majah, Rasulullah SAW berpesan bahawa menuntut ilmu adalah fardu bagi setiap orang Muslim. Selain itu menambah ilmu adalah keutamaan bagi umat Islam. Ia seperti diperintahkan ALLAH kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: "Katakanlah (Wahai Muhammad), Ya Rabb, tambahkanlah ilmuku" (*Surah Thaha: 114*).

Ibnu Hajar Asqalani dalam kitabnya *Fathul Baari (187/1)* menyatakan ayat tersebut adalah dalil tegas terhadap keutamaan ilmu kerana ALLAH SWT tidak pernah memerintahkan Rasulullah SAW untuk meminta tambahan terhadap sesuatu kecuali ilmu.

ALLAH SWT berfirman yang bermaksud: "Dan ALLAHlah yang telah mengutus Rasul-Nya dengan hudaa dan dinul haq". (*Surah At-Taubah: 33*). 'Hudaa' dalam ayat tersebut merujuk kepada ilmu yang bermanfaat, manakala maksud 'dinul haq' pula ialah amal soleh. Amal soleh ialah amal kebajikan

Untuk memahami sesuatu perkara seseorang perlu berilmu dan menambah ilmu

Pendidikan awal yang dialami Rasulullah SWT adalah dalam bentuk asuhan secara beransur-ansur. Firman ALLAH SWT yang bermaksud: "Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang mencipta sekalian makhluk. Dia mencipta manusia daripada seketul darah beku, bacalah, dan Tuhan mu yang mulia yang mengajar manusia dengan perantaraan pena." (*Surah Al-'Alaq: 1-4*).

Ayat tersebut menunjukkan bahawa ilmu agama wajib dipelajari dengan dimulakan daripada tahap asas. Memahami fenomena alam dan kejadian diri sendiri bagi mengenal ALLAH SWT adalah tahap asas yang diajar kepada Rasulullah SAW.

Apabila asas sudah kukuh barulah sesuai diteruskan dengan mempelajari tahap yang lebih tinggi. Mereka yang meremehkan peri pentingnya mendalami ilmu agama bukan sahaja merugikan diri sendiri, malah orang yang diajar atau dipimpinya.

Jauhi hadis palsu

Mempelbagaikan bahan bacaan agama menambahkan pengetahuan. - Gambar hiasan.

semata-mata, kitab kuning (bahan rujukan lama) yang tidak tentu hujung pangkal kesahihan nasnya atau pendapat guru mereka yang tidak bersandar kepada ilmu penggalian hukum yang benar. Pendapat yang berdasarkan gerak akal semata-mata tidak layak dipanggil sebagai ilmu yang diwarisi daripada nabi.

Ilmu berdasarkan gerak akal tidak sama langsung dengan kaedah ar-ra'yu yang diamalkan Imam Abu Hanifah yang bertaraf

Tidak terdapat sebarang hadis walau pun berstatus lemah (daif) yang menunjukkan Rasulullah SAW menyatakan wanita yang tidak menutup aurat adalah durhaka. Memang benar perbuatan tidak menutup aurat bersifat durhaka kepada perintah ALLAH SWT. Namun ia tidak boleh disandarkan kepada Rasulullah SAW kerana baginda tidak pernah menyebutnya. Jika pendapat dikeluarkan secara semberono seperti dalam contoh ini maka terbitlah hadis yang



amal soleh ialah amal kebajikan yang menjadi tanggung utama kepada akhlak.

Dengan mendalami ilmu agama, Muslim dapat memanfaatkannya untuk beramal soleh. Ini membantu membezakan antara halal dan haram; dan mana yang disyariatkan dengan yang diada-adakan (bid'ah). Mendalami ilmu agama amat penting untuk berkongsi ilmu dengan orang lain.

Pada peringkat awal kenabian Rasulullah SAW tidak terus diajar ALLAH SWT melalui Jibrail mengenai Rukun Islam dan bagaimana cara menjalankannya, seperti mengerjakan solat, puasa atau haji. Baginda juga tidak terus diajar prinsip kehidupan duniawi seperti ekonomi, kemasyarakatan atau politik. Sebaliknya, pada tempoh tersebut Baginda diajar ilmu Fardu Ain iaitu ilmu aqidah bertujuan mengenal ALLAH SWT.

Setiap golongan seperti ulama, imam, guru agama, ketua parti politik, ketua masyarakat, ibu bapa dan orang awam wajib mendalami ilmu agama menurut bidang, keperluan dan tahap kemampuan masing-masing. Rasulullah SAW sendiri dalam doanya meminta ditambah ilmu oleh ALLAH SWT. Jadi kita juga harus meminta tambahan ilmu dan berusaha mendalami ilmu.

Ulama ialah golongan yang berilmu tinggi dan disebut Rasulullah SAW sebagai pewaris nabi. Seorang ulama wajib mempelajari selok-belok mengistinbath. Istinbath adalah daya usaha membuat keputusan hukum syarak berdasarkan dalil al-Quran atau Sunnah yang sedia ada. Dalam bahasa mudah ia dikenali sebagai menggali hukum.

Amat malang jika terdapat ulama mengeluarkan pendapat terutama dalam hal ibadah berdasarkan gerak akal mereka

diamalkan Imam Abu Hanifah yang bertaraf mujtahid mutlak. Beliau memang mengamalkan pendapat mendahului hadis namun jika disepak secara teliti banyak ijthadnya selari dengan kehendak al-Quran dan Sunnah. Beliau meninggalkan hadis tertentu pada zamannya dalam usaha menjauhi hadis palsu yang banyak tersebar di Kufah.

Reaksi Imam Malik bin Anas RA apabila ditanya sesuatu soalan yang beliau tidak tahu jawapannya ialah dengan mengatakan, "Saya tidak tahu." Langkah terpuji imam mujtahid mutlak ini patut menjadi contoh kepada ulama selepas zaman beliau. Menjawab soalan dengan jawapan menggunakan alasan secara prasangka (rasa) tidak dipanggil ilmu. Ia adalah perbuatan tidak bertanggungjawab dan membawa kerosakan.

ALLAH SWT berfirman maksudnya, "Dan mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan pun tentang itu. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan, sedang sesungguhnya persangkaan itu tiada berfaedah sedikit pun terhadap kebenaran." (Surah An-Najm : 28)

Ilmu manfaat

Bayangkanlah apabila seandainya seorang ulama menyatakan Rasulullah SAW bersabda bahawa wanita yang tidak menutup aurat adalah durhaka. Kita ketahui bahawa menutup aurat itu wajib bagi wanita dengan dalil seperti Rasulullah SAW memberitahu Asma' binti Abu Bakar iaitu apabila seorang wanita telah datang haid (baligh) maka wajib bagi mereka menutup tubuh kecuali wajah dan tapak tangan. Jadi mereka yang tidak mengerjakan perintah wajib seperti ini hukurnya berdosa besar.



BAHRAIN SAMAH, RH (AHG):

Herbalis profesional bertaraf dunia. Jurunding dan pendidik nutrisi holistik, Buku: Kawal Berat Badan, V. Aromaterapi, Serangan Jantung, Diabetes Jenis 2. Rawat Dengan Herba – Cegah Demam & Flu.

Mengikuti program keilmuan juga dapat tingkat ilmu di dada. - Gambar hiasan.

